

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap motivasi kerja guru-guru Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) di daerah Sabak Bernam, Selangor. Selain itu, ia turut mengenal pasti faktor-faktor motivator dan faktor-faktor hygiene yang mempengaruhi atau mempunyai perkaitan yang signifikan dengan tahap motivasi. Faktor-faktor motivator tersebut ialah kerja itu sendiri, pengiktirafan, peluang memajukan diri dan ganjaran, gaji serta kemudahan. Manakala faktor hygiene pula terdiri daripada keadaan tempat kerja, hubungan interpersonal, kepimpinan pentadbir dan jaminan kerja.

3.2 Kaedah Penyelidikan

Bagi merealisasikan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah tinjau selidik melalui borang soal selidik yang dibentuk oleh pengkaji dengan dibantu oleh penasihat.

3.3 Sampel Kajian

Kajian ini hanya difokuskan kepada Sekolah Menengah Agama di bawah Kerajaan Negeri yang terdapat di daerah Sabak Bernam. Empat buah sekolah menengah JAIS dipilih-bagi kajian ini. Sekolah-sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Agama Tinggi Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Batu 38 Sabak Bernam, Sekolah Menengah Agama Tengku Ampuan Jemaah, Sungai Besar, Sekolah Menengah Agama Pekan Pasir Panjang, Sekinchan dan Sekolah Menengah Agama Parit Baru, Sungai Air Tawar.

Sekolah-sekolah ini dipilih untuk kajian ini kerana

- i) sifatnya yang tidak jauh berbeza dengan mana-mana sekolah menengah agama di negara ini
- ii) mewakili setiap kawasan di daerah Sabak Bernam iaitu kawasan Sekinchan, Sungai Besar, Sabak Bernam dan Sungai Air Tawar.
- iii) pengkaji sendiri berasal dari Daerah Sabak Bernam dan pernah bertugas sebagai guru di salah sebuah sekolah yang menjadi sampel. Hubungan pengkaji dengan pengetua-pengetua di semua sekolah tersebut adalah rapat dan ini akan memudahkan pengkaji untuk mendapatkan kerjasama daripada guru-guru sekolah berkenaan.

Oleh kerana tumpuan kajian ini adalah untuk mengetahui tahap motivasi guru serta faktor-faktor yang mempengaruhinya, guru-guru sekolah terpilih akan bertindak sebagai responden. Bagi tujuan ini, semua guru bagi setiap sekolah yang dipilih diminta memberi reaksi terhadap soalselidik yang dibentuk.

3.4 Instrumentasi

Kajian ini menggunakan soal selidik yang dibentuk oleh pengkaji dengan dibantu oleh penasihat untuk mengumpul data daripada responden. Soal selidik tersebut terdiri daripada tiga bahagian.

Bahagian pertama mengandungi 10 item untuk mengukur tahap motivasi guru secara keseluruhan. Bagi setiap item yang berbentuk 4-skala Likert , di mana terdapat empat pilihan jawapan , iaitu sangat setuju, setuju, tidak setuju dan tidak tahu. Skor yang tinggi mencadangkan tahap motivasi yang tinggi manakala skor yang rendah mencadangkan tahap motivasi yang rendah.

Bahagian kedua soalselidik mengandungi 32 item yang mengukur beberapa dimensi bagi faktor-faktor motivator dan hygiene. Empat dimensi dalam faktor motivator menghasilkan 16 item. Demikian juga halnya dengan empat dimensi terpilih mewakili faktor hygiene. Sebanyak empat item digubal bagi setiap satu dimensi.

Bagi setiap satu item, juga berbentuk 4-skala Likert, terdapat empat pilihan jawapan , iaitu sangat puas hati, puas hati, tidak puas hati dan tidak tahu. Berdasarkan skima pemberian skor bagi setiap satu dimensi ialah 4 hingga 16. Skor yang tinggi mencadangkan dimensi tersebut telah meningkatkan motivasi kerja guru, manakala skor yang rendah mencadangkan dimensi tersebut tidak berupaya meningkatkan motivasi kerja. Selain itu skor yang tinggi turut mencadangkan bahawa responden semakin berpuas hati terhadap dimensi tersebut. Begitu juga sebaliknya.

Bahagian ketiga soalselidik mengandungi 8 item mengenai latar belakang individu atau sosio-demografi. Bahagian ini digunakan untuk mengkaji profil responden serta mengenal pasti sama wujud hubungan yang signifikan ciri individu dengan tahap motivasi kerja guru. Namun demikian hanya dua ciri individu yang terlibat iaitu tempoh berkhidmat dan latihan perkhidmatan dijalani

3.5 Ujian Rintis

Untuk memastikan setiap item yang digubal bersetujuan, boleh difahami oleh setiap responden serta memenuhi tujuan kajian, satu ujian rintis telah dilaksanakan. Ujian rintis ini turut dijalankan untuk menguji kesahan soalselidik yang telah digubal.

Bagi tujuan ini, pengkaji telah meminta jasa baik 15 orang guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Simpang Lima, Sungai Besar untuk bertindak balas terhadap soalselidik dan memberi pendapat mengenai kelemahan yang wujud. 15 orang guru tersebut dipilih secara rawak dan dianggap menyerupai responden sebenar.


Hasil dari ujian rintis tersebut, beberapa kesilapan dan kelemahan tersembunyi dapat diatasi. Selain itu pengkaji telah dapat memperkemaskan lagi mana-mana bahagian yang perlu.

3.6 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan satu variabel bersandar, tahap motivasi dan tiga variabel tak bersandar iaitu faktor motivator, faktor hygiene dan ciri individu. Faktor motivator terdiri daripada empat dimensi iaitu kerja itu sendiri, pengiktirafan, peluang memajukan diri dan ganjaran, gaji serta kemudahan.

Faktor hygiene pula mempunyai empat dimensi iaitu keadaan tempat kerja, hubungan interpersonal, kepimpinan pentadbiran dan jaminan kerja. Hanya dua ciri individu yang diketengahkan dalam kajian ini iaitu tempoh berkhidmat dan latihan telah dijalani. Selain itu ciri-ciri individu tersebut turut bertindak sebagai variabel kawalan.

Kajian ini ditumpukan kepada adakah variabel tak bersandar mempengaruhi variabel bersandar. Ianya dapat digambarkan oleh rajah di bawah.

Variabel Tidak Bersandar**Variabel Bersandar**

Rajah 3: Reka bentuk Kajian

Diadaptasi dari Teori Motivator-Hygiene Herzberg

3.7**Pentadbiran Kajian**

Data dan maklumat yang digunakan dalam kajian ini dikumpulkan melalui dua cara iaitu kajian perpustakaan dan soal selidik. Kajian perpustakaan ialah untuk mendapatkan maklumat sekunder, khususnya bagi memperolehi gambaran asas mengenai konsep motivasi, teori-teori mengenai motivasi serta rekabentuk

kajian yang pernah dijalankan. Sementara pengumpulan data primer dibuat melalui kaedah tinjau selidik menggunakan soalselidik.

Setelah mendapat pengesahan daripada Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, pengkaji telah mengunjungi keempat-empat buah sekolah terpilih untuk memberikan soalselidik. Pengetua diberi penerangan tentang tujuan kajian dan cara bagaimana hendak menjawab soalselidik.

Untuk memudahkan penyerahan soalselidik serta penerangan cara bagaimana hendak menjawab soalselidik, pengkaji meminta jasa baik pengetua untuk mengaturkan pertemuan dengan guru-guru sekolah masing-masing. Semua pengetua sekolah bersetuju untuk membenarkan pengkaji hadir ke mesyuarat sekolah.

Sebanyak 108 naskah soal selidik telah diagihkan kepada guru-guru di keempat-empat sekolah. Semua guru yang menerima soalselidik diminta menjawab soalselidik dan memulangkannya kepada pengetua masing-masing. Selepas seminggu pengkaji hadir semula ke sekolah untuk mengutip semua soalselidik. Terdapat beberapa guru yang gagal menyerahkan borang dalam masa yang ditetapkan. Oleh itu mereka diberi peluang seminggu lagi untuk berbuat demikian. Sekali pengkaji ke sekolah berkenaan untuk mengutip soalselidik.

Setelah diberi masa dua minggu kepada responden untuk bertindak balas kepada soal selidik yang diberikan, pengkaji mengambil keputusan untuk tidak menunggu lama. Sebanyak 100 naskah soalselidik iaitu 92.5% yang dikembalikan dianalisa menggunakan perisian SPSS versi 7.5

3.8**Analisis Data**

Bagi memurnikan kajian ini, segala maklumat yang dikumpul dari soalselidik telah dianalisa menerusi kaedah kuantitatif menggunakan perisian SPSS versi 7.5.

Analisa yang dibuat adalah berdasarkan:

- i) taburan frekuansi dan peratus - iaitu untuk melihat taburan kekerapan serta kedudukan peratus bagi bahagian-bahagian tertentu
- ii) frekuansi tabulation - iaitu membuat perbandingan serta mengesan adanya hubungan antara variabel
- iii) chi-square - iaitu untuk melihat adanya hubungan yang signifikan antara variabel tertentu.